

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: MASJID WILAYAH, JALAN DUTA, KUALA LUMPUR
Tarikh: 06-08-2004
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PERCAMBAHAN FIKIRAN
ISLAM HADHARI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, (Salutation)

Alhamdulillah, sama-sama kita syukuri nikmat yang telah dan terus dianugerah oleh Allah S.W.T. kepada kita, bangsa kita dan negara yang bertuah ini. Nikmat yang berterusan ini wajarlah dijadikan peluang untuk kita fikir dan rancang sesuatu yang lebih baik demi kecemerlangan kita di masa depan. Sekadar memberikan beberapa contoh nikmat seperti nikmat Islam, Iman, kemerdekaan, keamanan, kestabilan politik, keharmonian dan kemakmuran telah menyediakan enviromen yang amat kondusif untuk kita cipta dan meneruskan asas ketamaddunan bangsa yang telah diasas oleh pemimpin kita terdahulu. Namun satu nikmat yang amat besar adalah seperti yang telah di firman oleh Allah S.W.T. dalam Al-Quran Surah Al-Maidah Ayat 3 yang bermaksud:

"Pada hari ini (semasa berwukuf di Padang Arafah semasa mengerjakan Haji) Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu"
(Al-Maidah Ayat 3)

Pengertian cara hidup yang sempurna di sepanjang zaman ialah cara hidup yang berasaskan kepada civilization atau 'hadhari' atau dalam bahasa Melayu ialah kemajuan dalam usaha meningkatkan penghidupan yang bertamaddun.

Islam berasaskan tamaddun merujuk kepada konsep Islam yang kita amalkan di sini sebagai satu cara hidup (Nizamul Hayah) berpaksikan Tauhid dan sekali gus tidak putus-putus membina tamaddun demi kesejahteraan umat bagi diredhai Allah S.W.T. Hadhari berasal dari perkataan Hadharah yang membawa makna tamaddun. Konsep tamaddun mengikut Ibn Qaldun adalah merujuk kepada satu masyarakat yang mendiami satu negara, ibu kota, bandar dan kampung yang sentiasa berusaha membangun, membina, memajukan serta memakmurkan diri dan masyarakat mereka. Masyarakat Hadhari akan menggunakan segala kekayaan sumber alam dengan baik yang dipacu oleh ilmu, sains dan teknologi, serta akal budi untuk kesejahteraan umat. Masyarakat Hadhari bijak lagi

cemerlang menguruskan negara, aset, rakyat, sumber, pentadbiran, pendidikan, ekonomi, pertahanan dan kemasyarakatan. Bagi saya tamaddun ini adalah merupakan kayu ukur bagi menentukan tahap pencapaian dan kemajuan sesuatu bangsa. Ciri-ciri tamaddun inilah yang dapat membezakan sebuah masyarakat itu maju ataupun mundur.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Demikianlah konsep Islam Hadhari yang cuba kita amal dan laksanakan di negara Malaysia yang bertuah ini. Atas keyakinan bahawa Islam amat mengutamakan ilmu pengetahuan, amat menggalakkan sains dan teknologi, kemajuan ekonomi, cintakan keamanan dan perpaduan, mengutamakan keselamatan dan pertahanan, mahukan rakyatnya berdisiplin serta berakhlak mulia, kuat bekerja dan rajin berusaha, maka adalah amat tepat gagasan dan anjuran seperti ini dibincang, dibahas, dicanai, dirumus dan akhirnya disepakati oleh tuan-tuan dan puan-puan para pentadbir dan eksekutif agar dapat direalisasikan dalam setiap bidang dan disiplin yang kita wakili. Sebagai pegawai yang melaksanakan setiap dasar yang telah digubal dan diputuskan oleh Kerajaan, maka adalah amat wajar kita benar-benar memahami dan menghayati konsep ini dalam kita merancang dan melaksanakan program dan aktiviti demi kebaikan dan manfaat rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sesungguhnya dasar dan program yang dilaksanakan kerajaan kita adalah amat konsisten dalam hal membina tamaddun ini. Sejak kita mula merdeka hinggalah ke hari ini, berbagai-bagai dasar telah digubal dan dilaksanakan dengan mengambilkira strategi memberi kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat. Antara dasar-dasar utama seperti Dasar Pendidikan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian, Dasar Pensiwaan, Dasar Sains dan Teknologi, Dasar Kependudukan, Dasar Belia dan banyak lagi semuanya mempunyai matlamat yang sama untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Demikian juga dalam hal-hal pentadbiran dan pengurusan. Berbagai dasar seperti Bersih, Cekap, Amanah, Penerapan Nilai-nilai Islam, Kepimpinan Melalui Teladan dan TQM, telah menjelaskan betapa Kerajaan amat prihatin terhadap hal pentadbiran yang berkesan. Ini semua telah menjadi asas dan ramuan yang amat penting ke arah merealisasikan hasrat kita mencapai matlamat bernegara berasaskan konsep Islam Hadhari.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita memperkatakan konsep ini bukan berasaskan retorika, bukannya sekadar angan-angan kosong, bukan kerana ingin berpolitik untuk memancing undi dan bukan juga tanpa asas.

Kita juga tahu bahawa ini bukanlah satu yang baru. Namun apa yang kita kehendaki pada hari ini agar konsep ini difahami benar-benar oleh semua golongan masyarakat kita dan Insya-Allah semoga Allah S.W.T. akan memberikan kekuatan kepada kita semua bagi melaksanakannya dengan penuh kejayaan mulai hari ini. Kita perlu menggunakan pendekatan bijaksana, pentadbiran dan pengurusan yang strategik, saintifik, bersungguh-sungguh, komited dan konsisten bagi benar-benar menjayakan konsep ini di setiap lapisan masyarakat. Eloklah kita mulakan daripada agensi Kerajaan dari pusat hingga ke desa dan disusuli oleh agensi swasta dan seterusnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Adalah menjadi lumrah dalam hal begini masyarakat atau kakitangan kita akan memberi beberapa reaksi awal sama ada ianya positif atau sebaliknya. Perkataan yang lazim didengar ialah bagaimana hendak dilaksanakan. "How to do", "what to do" atau "it is possible to do" dan banyak lagi persoalan. Dalam hal ini kita harus mengambil pendekatan yang positif, progresif, dinamik, kreatif dan semangat mesyuarah. Barangkali saya boleh menganjurkan beberapa tips yang mungkin dapat digunapakai oleh kita untuk melaksanakan konsep Islam Hadhari ini.

Pertama : Setiap tugas dan usaha yang baik adalah Ibadah. Sama ada kita bekerja, mengajar, menyelidik, mengurus, mentadbir, berfikir, mempertahankan negara dan semua tugas yang dibuat secara jujur, ikhlas dan amanah kerana Allah untuk kebaikan adalah satu ibadah.

Kedua : Sentiasa merancang untuk mencapai mutu kerja yang berkualiti pada setiap masa. Kualiti kerja dan perkhidmatan hendaklah bertaraf dunia dan berusaha mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Ketiga : Meningkatkan dan memupuk budaya berinovatif dan kreatif. Memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada perekacipta di semua bidang terutama di bidang Sains dan Teknologi.

Keempat : Berusaha mengekalkan politik yang stabil. Sistem politik yang kemas teratur, kukuh dan adil akan menjamin keamanan dan keharmonian rakyat. Tamaddun yang dibina akan hancur apabila berlaku perpecahan dan persengketaan.

Kelima : Ekonomi yang kukuh dan berkembang. Kekuatan ekonomi turut menjadi asas dan tuggak kekuatan tamaddun. Ekonomi kukuh, rakyat mewah serta selesa dan berbagai sektor yang lain dapat berkembang pesat.

Keenam : Sistem pendidikan bertaraf dunia. Perkembangan dan kemajuan sistem pendidikan adalah satu jaminan ke arah penerusan ilmu yang menjadi asas kepada kebangkitan sains, teknologi, kebudayaan, komunikasi, teknologi maklumat dan pembinaan masyarakat bermaklumat, intelek serta ilmuwan.

Ketujuh : Membentuk akhlak mulia yang terpuji. Keseimbangan antara kemajuan fizikal dan spiritual yang merujuk kepada soal akhlak dan kemanusiaan amat penting agar nilai tamaddun yang dibina akan berpaksi kepada asas dan peraturan yang benar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Islam adalah agama yang menganjurkan ketamaddunan. Islam adalah cara hidup lengkap bagi masyarakat bertamaddun. Tamaddun dalam Islam adalah tamaddun yang berpaksikan kepada ketauhidan. Tamaddun yang mengesakan Allah S.W.T. dan tamaddun yang berjaya membuktikan kewujudanNya serta segala kekuasaanNya. Tamaddun dalam Islam bukan sahaja untuk memudahkan urusan peribadatan malah terbukti berjaya mewujudkan satu sistem yang menjamin keadilan sejagat, kesejahteraan rakyat, keamanan, keharmonian, keselesaan dan rasa selamat di bawah sistem tersebut.

Bagi umat Islam, tamaddun begini bukanlah baru dan asing. Sejarah telah membuktikan bahawa umat Islam telah berjaya mengubah kegelapan dunia yang bersifat Barbarian kepada dunia yang beradab, berakhlak, bersistem dengan hasil dari ilham cipta, teknologi ilmuannya yang berpandu pada Al-Quran. Sesungguhnya sewaktu dunia barat sedang bergelap, jalan-jalan di London masih berlumpur, penyakit berjangkit menular ke Paris, waktu itu umat Islam telah maju. Dunia mengakui sumbangan ahli astronomi, ahli kimia, ahli perubatan, ahli matematik dan pernomboran, ahli seni bina, muzik, arkitek yang pernah lahir dari dunia Islam. Zaman

kegemilangan Islam seperti di andalusia dengan sumbangan rekacipta dari saintis dan ilmuan yang handal lagi terbilang serta konsep ilmu yang berpaksikan tauhid boleh menjadi contoh kepada kita peri pentingnya konsep Islam Hadhari yang kita kehendaki.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sekadar mengambil beberapa contoh sebagai bukti hujah-hujah tadi betapa dari asas perintah mendirikan solat untuk mengesakan Allah S.W.T., telah mendorong umat Islam mencipta berbagai-bagai teknologi. Dari sini terciptalah konsep masa, nombor, kalendar dan seterusnya perkembangan ilmu astronomi. Dari kaedah mencari arah kiblat telah berkembangnya asas kompas hinggalah ilmu pemetaan. Demikianlah dari syarat wajib menutup aurat ketika solat telah berkembangnya industri tekstil, perladangan kapas, penciptaan mesin menenun dan banyak lagi teknologi yang berkaitan. Bagi menunaikan perintah mengerjakan Haji di Makkah sepatutnya telah menyemarakkan lagi industri membina pesawat terbang di kalangan negara Islam. Bagi menunaikan ibadah berzakat sepatutnya memberi motivasi yang kuat kepada umat Islam mengatur strategi perekonomian, perdagangan, perniagaan dan seumpamanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tanggungjawab menjaga maruah agama, bangsa, harta dan kedaulatan negara amat menuntut kita memperkuatkan sistem dan aset pertahanan negara. Situasi ini amat memerlukan kita mencipta dan memiliki senjata-senjata canggih untuk mempertahankan negara serta menggerunkan musuh. Keadaan ini adalah amat sesuai dengan perintah dan peringatan dari Allah S.W.T. dalam Al-Quran.

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka dengan kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda untuk berperang akan menggerunkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya"
(Al-Anfal Ayat 60)

Islam sebagai agama yang bersih dan cantik seperti yang disebut oleh Rasulullah;
"Menjadi bersihlah kamu, kerana Islam itu bersih"
(Riwayat Ibnu Hibban)
"Allah itu indah (cantik) dan Dia suka kepada keindahan (kecantikan)"

Daripada nas di atas jelas kita harus berusaha menjadikan diri kita, persekitaran kita, kampung dan bandar-bandar kita seperti yang dituntut. Bagaimana caranya maka terpulanglah kepada kebijaksanaan kita.

Demikian juga dalam hal menjaga kesihatan diri, Allah berfirman;

"Janganlah kamu mencampakkan diri kamu kepada kebinasaan"
(Al-Baqarah 195)

"Hai manusia, makanlah dari apa-apa yang ada di bumi ini yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikuti jejak syaitan kerana syaitan itu musuh yang terang bagi kamu"
(Al-Baqarah 168)

Dalam konteks perintah di atas, kita seharusnya mempertingkatkan kualiti hidup dengan memiliki tahap kesihatan yang paling tinggi. Hal-hal seperti amalan makan dan pemakanan yang baik, sistem hospital dengan segala alat dan kelengkapan yang canggih harus dimajukan kerana ia tuntutan Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Persoalannya sekarang mengapakah kita perlu kepada pendekatan membina tamaddun sehingga menjadi agenda resmi kerajaan untuk difahami, dihayati dan dijayakan oleh kita semua.

1. Menyediakan rakyat yang memiliki kematangan berfikir berdasarkan fakta ilmiah lengkap dengan data dan logik dalam mengemukakan hujah tanpa bertindak secara terburu-buru dan emosional. Kita mahu umat Islam tahu dengan mendalam sebab-sebab kita mundur dan segera mencari penyelesaian menurut anjuran Al-Quran dan As-Sunnah.
2. Meningkatkan martabat, kemuliaan serta penghormatan rakyat kita di mata dunia dengan cara memiliki segala kekuatan terutamanya kekuatan ekonomi, politik, ilmu, sains dan teknologi serta kekuatan akhlak dan disiplin.
3. Menjadikan rakyat Malaysia terkenal sebagai bangsa pencipta dengan nilai inovatif dan kreativiti yang tinggi lagi berkualiti dan sekali gus bukan sebagai bangsa yang hanya tahu menjadi masyarakat pengguna semata-mata.

4. Menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Contoh terutama kepada negara Islam yang lain dengan ciri-ciri rakyat yang kuat bekerja, gigih, berfikir dan sentiasa berusaha menjadikan negara ini maju, berjaya, cemerlang, aman makmur serta diampuni Allah S.W.T. Allah memberi contoh sebagaimana sebuah negara yang maju dalam Al-Quran Surah Saba' Ayat 15 yang bermaksud;

"Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya. Negeri kamu ini adalah negeri yang baik, aman dan makmur dan Tuhan kamu adalah Maha Pengampun"
(As-Saba' Ayat 15)

Kita bukan sahaja maju dalam bidang industri sains dan teknologi bahkan menjadi sebuah negara taman yang indah dan nyaman dengan landskap serta memiliki cara hidup rakyat yang sihat. Jika dalam kerajaan Saba', Al-Quran menceritakan kemakmuran negeri pemerintahan Puteri Balqis yang berjaya menyuburkan tanah sekitar 20 batu persegi dengan ampangan seluas 3km persegi maka kita di Malaysia telah mempunyai lebih dari 5 ampangan yang luas dan mengairi ribuan km persegi!

5. Memberi gambaran yang positif terhadap realiti umat Islam yang sebenar. Sebagai umat yang cintakan kedamaian, sederhana, dinamik, cinta ilmu, perpaduan dan kaya dengan amalan nilai-nilai murni. Kita akan menafikan bahawa masyarakat Islam adalah kelompok ganas yang membuat bulu roma berdiri dan hati berdebar, fatalisme dalam akidah (Jabariah), formalisme dalam ibadah, pasif dalam perilaku, dangkal dalam pemikiran, tektualisme dalam penafsiran dan mengutamakan penampilan dan slogan dalam hidup. Umat Islam di Malaysia bukan berwajah seram dan tidak ramah, yang hanya kenal bahasa kekerasan dalam berdakwah, keakuan dalam berhujah dan kasar dalam pergaulan dan berkomunikasi! Masyarakat Islam Hadhari menolak konsep masyarakat Islam yang keras seperti batu yang tidak mengenal perbezaan pandangan, tidak mengakui kepelbagaian ijtihad, taksud dan tidak mahu mendengar pandangan dan aliran pemikiran lain.

6. Memperjelaskan bahawa umat Islam di Malaysia bukan lagi terdiri dari golongan 'Islam Ritual' yang melihat Islam itu terlalu sempit hanya semata-mata hidup dalam masjid, sembahyang sunat, zikir, berjubah, berserban, berjanggut hingga tidak meletakkan hal kehidupan duniawi sebagai

penting. Puak-puak beginilah sebenarnya menyebabkan umat Islam jadi jumud dan pandangan orang lain pun kurang tertarik terhadap Islam. Keadaan ini adalah amat relevan dengan satu kisah apabila Rasulullah pernah menegur tiga orang sahabat yang melakukan ibadat. Pemuda pertama mahu terus bersembahyang sepanjang malam di masjid tidak mahu tidur, seorang lagi ingin terus berpuasa tanpa henti dan seorang lagi tidak mahu berkahwin. Rasulullah bersabda; "Demi Allah, sesungguhnya aku lebih takut kepada Allah dan aku lebih taqwa, tetapi aku sembahyang dan aku tidur, aku berpuasa dan aku berbuka dan aku juga berkahwin dan memiliki keluarga. Ini adalah sunnahku dan sesiapa yang tidak mengikut sunnahku dia bukan dari kalanganku"

Nabi juga pernah bersabda;

"Orang yang paling disukai Allah adalah mereka yang paling banyak manfaatnya kepada orang lain, dan amalan yang paling baik dilakukan oleh seseorang adalah memberi rasa kebahagiaan kepada seorang muslim menyelamatkan orang dari penderitaan, mengusir rasa kelaparan daripadanya.

Sesungguhnya memberi keperluan kepada mereka adalah lebih baik dari duduk beriktiraf dalam masjid sebulan lamanya"

(Hadith Riwayat Abi Al Dunya)

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir sekali bagi merealisasikan hasrat kerajaan ke arah mewujudkan satu rupa bentuk masyarakat, budaya dan negara yang maju menerusi pendekatan hadhari, maka kita menyeru semua jentera kerajaan supaya sama-sama bergerak di dalam satu barisan ke arah satu destinasi yang menjadi cita-cita Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Kerajaan di bawah pimpinan YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap bahawa agenda Islam Hadhari dapat disusun dan dijalankan dengan sebaik-baiknya supaya satu tasawwur yang baik tentang Islam itu tidak hanya menjadi satu pengucapan yang tidak berisi atau hanya merupakan satu simbolik dan retorika sahaja. Hal ini perlu disebut kerana isu agama di negara kita sering disalahgunakan, iaitu Islam dan agenda agama seolah-olah hanyalah pengucapan dan ceramah, teori yang berjela-jela dan kata-kata retorika yang sedap didengar saja. Oleh itu saya berharap kepada jentera kerajaan yang diamanahkan oleh kerajaan hendaklah turut sama merancang dasar negeri dan negara berasaskan

strategi dan perancangan yang konkrit dan praktikal dalam melaksanakan Islam sebagai wadah pembangunan negara di dalam bidang sosial, pendidikan, politik, ekonomi, sains dan teknologi dan lain-lain lagi. Kerajaan menaruh harapan yang tinggi supaya kita semua berpandangan jauh, bertoleransi dan mesra rakyat, masyarakat tidak dapat memahami sepenuhnya sistem Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Marilah kita sama-sama berdoa dan memohon pertolongan dan diberi kekuatan oleh Allah S.W.T. agar niat suci dan usaha murni kita dipermudahkan jalan pelaksanaannya serta diberi kejayaan yang sepenuhnya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Seminar Percambahan Fikiran Islam Hadhari.

Sekian. Wassalam.